



**JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU
BAHAGIAN PENDIDIKAN**

**Syarat Kemasukan Ke PRA-U STPM
Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Terengganu 2018**

Pelajar-Pelajar dari Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Terengganu, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Sekolah Menengah Kebangsaan (Kelas Aliran Agama) dan Sekolah Menengah IMTIAZ yang layak ditawarkan masuk ke PRA-U STPM 2018 hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:-

1. SEKOLAH BERASRAMA PENUH

1.1 Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu

1.1.1 Syarat Kemasukan

- i) Lulus Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2017.
- ii) Rakyat Negeri Terengganu Darul Iman.
- iii) Mendapat Kepujian Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Arab Tinggi/ Bahasa Arab Komunikasi, Bahasa Inggeris, Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Al-Quran Al-Sunnah sekurang-kurangnya C
- iv) Umur tidak melebihi 18 tahun pada 1.1.2018

2. SEKOLAH TIDAK BERASRAMA PENUH

2.1 Sekolah Menengah Agama Maarif, Besut, Terengganu

2.1.1 Syarat Kemasukan

- i) Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 2017.
- ii) Rakyat Negeri Terengganu Darul Iman.

- iii) Mendapat Kepujian Bahasa Melayu, Sejarah, Bahasa Inggeris, Pendidikan Syariah Islamiah atau Pendidikan Al-Quran Al-Sunnah sekurang-kurangnya C
- v) Lulus Bahasa Arab Tinggi sekurang-kurangnya E atau Kepujian dalam Bahasa Arab Komunikasi sekurang-kurangnya C.
- iv) Umur tidak melebihi 18 tahun pada 1.1.2017.

Tawaran ini tertakluk kepada kekosongan tempat. Keutamaan akan diberi kepada para pelajar yang mendapat keputusan terbaik.

Tarikh:

(HAJI LOTHMAN BIN AWANG)

Ketua Penolong Pesuruhjaya (Pendidikan)
Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu

PERINGATAN:

1. Borang permohonan boleh didapati di semua Sekolah Menengah Agama Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, (Bahagian Pendidikan), Pejabat-Pejabat Agama Daerah, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Terengganu dan Sekolah Menengah IMTIAZ Terengganu.
2. Permohonan hendaklah dihantar kepada **Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (Bahagian Pendidikan), Pusat Pentadbiran Islam Negeri, Kompleks Seri Iman, 20676 Kuala Terengganu sebelum atau pada 25 Mac 2018.**
3. Calon daripada Sek. Men. Agama Terengganu dikehendaki menghantar borang melalui Pengetua sekolah asal masing-masing untuk dihantar sekaligus ke Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (Bahagian Pendidikan) seminggu sebelum tarikh tutup.
4. Pihak Jabatan berhak membatalkan tawaran kepada mana-mana calon yang tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan.
5. Hanya Calon yang berjaya akan dimaklumkan. Tempoh rayuan bagi calon yang gagal ialah seminggu selepas tarikh pendaftaran.